

Pendebat Tamhidi USIM pertahan kejuaraan

KEJOHANAN Debat Piala Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang memasuki edisi kelapan penganjurannya baru-baru ini menyaksikan Pusat Tamhidi berjaya mempertahankan kejuaraan dengan membawa pulang Piala Pusingan Naib Canselor USIM untuk tahun kedua berturut-turut.

Kejohanan anjuran Kelab Debat USIM dengan kerjasama Unit Kepimpinan Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang berlangsung di Dewan Kuliah Pusat 3, USIM itu melibatkan para pendebat yang mewakili fakulti masing-masing. Ia merupakan antara program utama berbentuk pengucapan awam yang dinantikan para pelajar setiap tahun.

Majlis kemuncak kejohanan berkenaan adalah Pertandingan Akhir Debat Bahasa Melayu yang mempertemukan pendebat dari Pusat Tamhidi selaku 'kerajaan' dan Fakulti Sains dan Teknologi (FST) selaku 'pembangkit'. Mereka memperdebatkan usul 'Rancangan Gosip Hiburan di Televisyen, Dibiarkan Menjadi Parah'. Perdebatan itu ternyata memukau kira-kira 500 penonton yang hadir.



Pengarah Program Kejohanan Debat Naib Canselor kali ini, Amir Najib Abd Hadi berkata, penyertaan untuk kali ini amat baik

iaitu keseluruhannya sebanyak 57 buah pasukan menyertainya.

Menurutnya, daripada jumlah itu sebanyak 21 pasukan menyertai debat Bahasa Melayu, 18 pasukan menyertai

debat Bahasa Inggeris dan 18 pasukan yang lain menyertai debat Bahasa Arab.

"Bagi menarik minat para pelajar dalam bidang pengucapan awam, pengurusan universiti telah menambah hadiah wang tunai untuk para pemenang kali ini.

"Johan, Naib Johan dan Pendebat Terbaik bagi setiap kategori, masing-masing menerima wang tunai RM1,000, RM800 dan RM500 bersama sijil penghargaan,"katanya.

Beliau berkata, kejohanan ini merupakan salah satu platform terbaik untuk mengenal pasti pasukan pelapis pendebat baharu untuk digilap potensi mereka, seterusnya mewakili dan mengharumkan nama USIM dalam pertandingan debat yang lebih tinggi.

Pertandingan Akhir Debat Bahasa Melayu dan Majlis Penutup Kejohanan Debat Piala Naib Canselor-USIM itu disempurnakan Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad.

Turut hadir bagi memeriahkan majlis itu adalah timbalannya, Profesor Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah dan Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM, Nasrul Hakim Ahmad. 🇲🇾